



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

HARIAN METRO 1/3/2019 p. 25

Masjid lama lambang sejarah Melaka

Maharaja Yung Lo (atau Yongle) iaitu anak kepada pengasas Dinasti Ming, China memerintah dari 1402 hingga 1424.

Baginda mengarahkan Laksamana Yi Ch 'ing mengetuai utusan menemui Raja Melaka iaitu Parameswara.

Hasil pertemuan itu berjaya menghasilkan perhubungan perdagangan dan politik antara kerajaan Melayu Melaka dengan China.

Maharaja Yung Lo seorang pemerintah yang bijak dan terkenal apabila menubuhkan angkatan tentera laut.

Melalui beberapa siri ekspedisi angkatan itu, China berjaya membawa beberapa negara tunduk di bawah naungannya hingga menjadikan China sebagai negara berkuasa di Asia.

Parameswara menyambut baik kedatangan



MASJID Kampung Hulu yang dibina pada 1728 mempunyai sejarah tersendiri kepada Melaka.

utusan China itu dan meminta perlindungan China. Dengan itu, terseleamatlah Melaka daripada serangan Kerajaan Siam.

Parameswara diiktiraf Maharaja Yung Lo sebagai

pemerintah Melaka. Kerajaan Siam diberi amaran supaya tidak mengganggu dan menyerang Melaka.

Melaka mendapat banyak faedah hasil hubungannya dengan China. Kepesatan aktiviti perda-

gangan mendorong ramai pedagang Cina menjalakan perniagaan di Melaka.

Ada yang terus menetap dan berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Penempatan pedagang China di Melaka memberi ruang proses asimilasi budaya antara bangsa Melayu dan Cina.

Akhirnya, ia mencetuskan keunikan dalam proses pembangunan reka bentuk masjid di negeri itu.

Masjid tua seperti Masjid Tengker (1728), Masjid Kampung Hulu (1728) dan Masjid Kampung Keling (1748) boleh dikategorikan kepada bentuk sino-elektik.

Bentuk bumbung masjid itu setinggi tiga tingkat dan berbentuk piramid. Corak ukiran dan hiasan Cina begitu ketara dan boleh dilihat pada hujung atap.

Penggunaan batu bata dan genting ada pengaruh

seni bina Cina. Menurut sejarah, masjid itu dibina pedagang Cina Muslim.

Antara contoh yang boleh dilihat adalah Masjid Kampung Keling. Masjid itu dihiasi ukiran Cina yang sangat menarik di ruang solat dan bahagian luar masjid.

Bahagian menaranya berbentuk pagoda dan pintu gerbangnya menyerupai pintu gerbang Cina.

Di Masjid Tengker pula, hiasan dan ukiran pada hujung atau puncak masjid seperti tokong Cina, tetapi motif itu diabstrakkan dengan alam flora berseesuaian dengan ajaran Islam.

Walaupun pembentukan kesenian Cina merujuk kepada fahaman aminisme dan ajaran Tao/Buddha, perhiasan itu berjaya disesuaikan mengikut syariat Islam.

Penulis Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia

Melaka mempunyai banyak binaan masjid bersejarah. Keunikan seni binanya pula begitu sinonim dengan kegemilangan Melaka suatu ketika dulu.

Melaka pernah menjadi pelabuhan entrepot (gudang barangan perdagangan) utama di rantau Asia Tenggara kerana kedudukannya di antara Lautan Hindi dan Laut China Selatan selain terlindung daripada angin monsun.

..Ia menjadi tarikan bagi menjalankan pelbagai aktiviti perdagangan seperti rempah-ratus serta perdagangan lain dari pelbagai negara seperti China, Arab, Parsi, Champa dan Jepun.

Melaka mula menjalin hubungan diplomatik dengan kuasa besar China pada 1403. Ketika itu,